

## **DAPATAN**

### **4.1. PENDAHULUAN**

Bahagian ini akan membincangkan tiga perkara penting iaitu:

- Pertama:** Sejarah ringkas pengoperasian penyeliaan pendidikan agama dan fungsi penyeliaan pendidikan agama di Jabatan Pendidikan Sabah.
- Kedua:** Amalan penyeliaan pendidikan agama di Jabatan Pendidikan Sabah.
- Ketiga:** Masalah dan kekangan yang dihadapi oleh para penyelia pendidikan agama seterusnya cadangan penambahbaikan penyeliaan pendidikan agama di Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.

### **, 4.2. SEJARAH PENYELIAAN PENDIDIKAN AGAMA DI JABATAN PENDIDIKAN SABAH**

Bahagian ini akan membentangkan berkaitan latar belakang pengujudan jawatan Penyelia Pendidikan Agama, fungsi penyelia dan bagaimanakah amalan penyeliaan yang dilakukan oleh para Penyelia Pendidikan Agama sama ada yang bertugas di Ibu Pejabat ataupun di Pejabat Pendidikan Bahagian. Pembentangan maklumat ini adalah berdasarkan kepada rumusan senarai fungsi yang telah dilaporkan oleh Penyelia Pendidikan Agama dalam jawapan soal selidik dan kutipan maklumat (Bahagian A).

### **4.3. KAEADAH KUTIPAN MAKLUMAT**

Borang Kutipan maklumat dan soal selidik telah di hantarkan kepada tujuh orang Penyelia Pendidikan Agama Bahagian, dan diminta mengagihkannya kepada Penyelia Pendidikan yang bertanggungjawab atau yang dikenali sebagai Pengelola

Agama Daerah di bahagian masing-masing dan empat Penyelia Pendidikan Agama di Ibu Pejabat. Tetapi hasil dari maklum balas Penyelia Pendidikan Agama Bahagian dan Ibu Pejabat Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral (SPPIM) yang menyatakan bahawa Pengelola Agama Daerah tidak dianggap sebagai Penanggungjawab kepada bidang agama seperti Penyelia Agama Bahagian. Walaupun pada kebiasaannya Penyelia Pendidikan Daerah adalah salinan pengecilan kepada jawatan dan peranan Penyelia Pendidikan Bahagian, tetapi Penyelia Pendidikan Agama agak berlainan. Penyelia Pendidikan Agama di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat Pendidikan Bahagian menyatakan bahawa di peringkat daerah, penyelia tertentu yang dikenali sebagai Pengelola Agama adalah hanya sebagai perantara sahaja, dan kalau ada apa-apa yang berkaitan dengan masalah pendidikan agama, maka pihak Penyelia Pendidikan Agama Bahagian yang akan turun padang. Dengan itu, pengkaji tidak memasukkan Pengelola Agama Daerah dalam analisis data untuk mendapat maklumat amalan penyeliaan dan yang berkaitan dengan tarikh pengujudan dan pengoperasian penyeliaan pendidikan agama di Jabatan Pendidikan Sabah. Walaupun pihak Penyelia Pendidikan di peringkat Pendidikan Daerah juga membuat penyeliaan pentadbiran dan penyeliaan pengajaran tetapi tidak menggambarkan amalan sebenar seperti yang dilakukan oleh Penyelia keadaan tertentu, Penyelia Pendidikan Daerah adalah sekadar pengiring kepada Penyelia Pendidikan Agama Bahagian semasa menyelia pengajaran ataupun pentadbiran. Dalam keadaan tertentu, Penyelia Pendidikan Daerah adalah sekadar mendapat gambaran dan membuat laporan bersama kepada Pegawai Pendidikan Daerah. Namun dari pengalaman pengkaji, *penyelia pendidikan pengiring* ini hanya akan melakukan perkara yang berkaitan dengan keperluan daerah sahaja.

#### **4.4. DAPATAN**

Bahagian ini bertujuan untuk membuat analisis data-data yang diperoleh melalui kaedah soal selidik ringkas dan temuramah dengan beberapa responden yang telah ditetapkan dan rujukan dokumen. Soalan-soalan penyelidikan pada bahagian pengenalan yang dirumuskan akan dijawab berdasarkan analisis data yang dibuat secara kualitatif dan huraian. Bahagian Pertama (4.5.) ini memaparkan latar belakang demografik responden-responden dalam kajian ini iaitu para Penyelia Pendidikan Agama, sementara dalam bahagian seterusnya, bahagian kedua (4.6,) ialah matriks jadual untuk menganalisis data-data amalan penyeliaan.

#### **4.5. LATAR BELAKANG DEMOGRAFI**

##### **4.5.1 Jantina**

Semua Penyelia Pendidikan Agama yang pernah dan sedang bertugas sebagai Penyelia Pendidikan Agama sama ada di Peringkat Ibu Pejabat, Pejabat Pendidikan Bahagian dan Pejabat Pendidikan Daerah adalah terdiri daripada kalangan lelaki.

##### **4.5.2. Umur Penyelia Yang Sedang Berkhidmat**

Merujuk kepada jadual 4.1., didapati 36.4% Penyelia berumur antara 35-44 tahun (empat orang); 18.5% penyelia dalam lingkungan umur 45-50 dan 45.5% berumur dalam lingkungan 50 tahun ke atas ( lima orang).

**Jadual 4.1.  
Kumpulan Umur Penyelia**

<b>Kumpulan Umur</b>	<b>Peratus/Bilangan</b>
35-44	36.4 % (4)
45-50	18.5% (2)
lebih 50 tahun	45.5%(5)
<b>Jumlah</b>	<b>11 orang</b>

#### **4.5.3 Tempoh Berkhidmat**

Merujuk kepada jadual 4.2., menunjukkan kebanyakan para penyelia telah berkhidmat lebih dari lima tahun iaitu: 54.5% (enam orang), manakala kurang daripada lima tahun 18.2 % (dua orang), dan 27.3% (3 orang) telah berkhidmat lebih daripada sepuluh tahun.

**Jadual 4.2  
Tempoh Berkhidmat**

<b>Tempoh Berkhidmat</b>	<b>Peratus/Bilangan</b>
Kurang dari 5 tahun	18.2% (2)
Lebih dari 5 tahun	54.5% (6)
Lebih 10 Tahun	27.3%(3)
Jumlah	100 %(11)

#### **4.5.4. Kelulusan Akademik**

Kelulusan tertinggi penyelia agama ialah STPM dan Sijil Perguruan hanya seorang sahaja yang mempunyai sijil tambahan iaitu Sijil Perguruan Khas Bahasa Arab. Hanya enam orang sahaja daripada 11 Penyelia Pendidikan Agama yang mempunyai kelulusan berdasarkan agama dan terlatih sebagai Guru Agama (opsyen Pendidikan Islam). Selebihnya adalah bekas guru biasa pelbagai opsyen.

#### **4.5.5. Jawatan Sebelum Penyelia**

Daripada 11 Penyelia Pendidikan Agama yang sedang berkhidmat itu, 63.6% iaitu seramai tujuh orang pernah bertugas sebagai Guru Besar dan Penolong Kanan dan 36.4% (empat orang) adalah sebagai guru biasa dan guru kanan.

#### **4.5.6. Pengalaman Hadir Kursus**

Maklumat tentang kehadiran dalam kursus yang berkaitan dengan tugas yang dipegang sekarang, menunjukkan hampir tidak ada yang tidak pernah mengikuti kursus

berkaitan dengan jawatan sekarang walaupun tidak khusus kepada penyeliaan pendidikan khususnya pendidikan agama. Ini adalah disebabkan jumlah yang agak kecil memberi kemudahan kepada pihak SPPIM untuk mengendalikan kursus yang berkenaan. Biasanya setiap kursus yang diadakan di peringkat negeri adalah dihadiri oleh Penyelia Pendidikan Agama Bahagian dan Pengelola Agama Daerah. Sekiranya kursus yang diadakan di peringkat kementeriaan maka peserta yang mewakili Jabatan Pendidikan Negeri Sabah akan menyampaikan kepada rakan-rakan yang lain melalui kursus peringkat bahagian atau pun zon. Kesimpulanya kursus-kursus yang dianjurkan oleh Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral adalah melibatkan semua Penyelia Bahagian dan Penyelia Daerah.

#### **4.5.7. Peranan Penyelia**

Seperti yang telah dijelaskan pada bahagian sejarah bahagian Pendidikan Islam dalam tajuk peranan penyelia agama di masa lampau telah dinyatakan bahawa sebahagian daripada peranan utama para penyelia ialah untuk mencari calon-calon guru agama yang layak, seterusnya menemuduga dan bagi calon yang berjaya mereka akan diberi lantikan Guru Agama Sandaran Tidak Terlatih. Guru-guru yang dilantik dan ditempatkan untuk mengajar tadi akan diselia dalam beberapa tempoh tertentu supaya guru itu dapat menjalankan tugas sebagai guru dengan kemahiran yang minima. Penyeliaan pengajaran guru ini bukan sahaja dilakukan oleh Penyelia Ibu Pejabat tetapi menjadi tanggungjawab Penyelia Pendidikan Agama Bahagian atau Pengelola Agama Daerah berbuat demikian. Selepas dua tahun mereka boleh memohon untuk mengikuti Kursus Perguruan Dalam Cuti (KDC) untuk melayakkan mereka dilantik sebagai guru tetap. Bertitik tolak dari peranan tersebut hingga sekarang para penyelia masih lagi

bertanggungjawab untuk menguruskan pernomboran Guru Agama Sandaran Tidak Terlatih untuk menampung kekurangan guru agama di daerah-daerah terpencil yang tidak dapat ditampung oleh Guru Agama Terlatih.

#### **4.5.8. Senarai Tugas Atau Fungsi Penyelia Pendidikan Agama**

Mengikut Dr. Adnan Yusof, Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, JPPIM Kementerian Pendidikan Malaysia, menyatakan bahawa kewujudan Bahagian Pendidikan Islam adalah sebagai mengisi hasrat dan keperluan Akta Pelajaran 1961 yang memerlukan satu badan yang bertanggungjawab sebagai pemantau atau penyelia kepada kchendak akta tersebut yang berkaitan dengan mata pelajaran Pendidikan Islam. Secara langsung peranan itu diperturunkan kepada para Penyelia Pendidikan Islam di setiap Jabatan Pendidikan Negeri di seluruh Malaysia. Oleh itu tugas atau peranan penyelia itu secara umumnya adalah membawa misi dan hasrat pengujudan Bahagian Pendidikan Islam sejak ditubuhkan. Ini bermaksud Piagam JAPPIM dan SPPIM adalah fungsi dan peranan para penyelia sama ada berbentuk penyeliaan pentadbiran atau penyeliaan pengajaran.

Oleh itu berikut adalah piagam pelanggan Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral (SPPIM) Jabatan Pendidikan Islam Sabah yang menjadi teras peranan para penyelia dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan:

*Kami Warga Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Sabah, dengan penuh tekad dan iltizam, berikrar dan berjanji akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk:*

- ◆ *Menempatkan guru-guru Pendidikan Islam ke sekolah-sekolah tidak lewat dari tiga minggu setelah menerima senarai guru maktab dan universiti dari Kementerian Pendidikan.*
- ◆ *Mempastikan bahawa semua sekolah sentiasa dibekalkan dengan guru-guru*

*Pendidikan Islam secukupnya mengikut pengkhususan dan keperluan sekolah dua minggu sebelum sekolah bermula.*

- ◆ *Mempastikan semua permohonan pertukaran/penempatan diproses dan keputusan mengenainya dimaklumkan kepada pihak yang berkenaan, sebulan dari tarikh penerimaannya.*
- ◆ *Mempastikan setiap guru menghadiri kursus sekurang-kurangnya sekali setahun.*
- ◆ *Mempastikan kecemerlangan dan perkembangan akademik sentiasa diberi keutamaan.*
- ◆ *Mempastikan semua SMKA, Kelas Bahasa Arab (KAA) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) diselia sekali setahun.*
- ◆ *Mempastikan enam puluh sekolah rendah dan empat puluh buah sekolah menengah dapat diselia sekali setahun.*
- ◆ *Mempastikan sektor ini sentiasa peka dan responsif kepada kehendak dan keperluan pelanggan:- murid, guru, dan masyarakat.*
- ◆ *Memberi layanan mesra, perkhidmatan yang cekap dan jawapan yang segera kepada setiap pelanggan yang berurusan dengan sektor ini dapat diselesaikan dalam tempoh lima minit.*
- ◆ *Menentukan segala surat aduan dan rayuan kepada sektor ini diberi jawapan dalam tempoh dua minggu dari ianya diterima.*
- ◆ *Sentiasa bersedia dan sanggup menerima pandangan, cadangan, syor dan teguran yang membina dari semua pihak demi mempertingkatkan prestasi perkhidmatan dan kecemerlangan akademik.*

Berdasarkan kepada piagam SPPIM di atas peranan Penyelia Pendidikan Agama di Bahagian adalah sama dengan peranan Penyelia Pendidikan di Ibu Pejabat yang merangkumi empat tugas utama iaitu Pentadbiran, Akademik, Dakwah, dan Pembangunan.

**Akademik:** Semua aktiviti berkaitan dengan pengajaran iaitu penyeliaan, perkembangan kurikulum seperti mempastikan guru-guru terdedah dengan sebarang

arahan sukanan pelajaran, perkaedahan dan peperiksaan, di samping mempastikan bahan-bahan pengajaran disediakan.

**Pentadbiran:** Iaitu mencakupi semua aktiviti dan proses berkaitan dengan surat-menyurat berkaitan dengan perlantikan, penempatan, pertukaran, dan mengurus kebijakan guru. Begitu juga dengan pengelolaan kursus yang bersangkutan.

**Dakwah:** Semua aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran agama Islam, ceramah, kuliah, kursus, program membesarkan dan menghidupkan peristiwa dan bulan Islam. Pengurusan dan pengelolaan Majlis Perujian dan Tilawah Al-Quran sebagai Kokurikulum dan Pendidikan.

**Pembangunan:** Penyelia atau pengenal pasti keperluan perkembangan pembangunan sekolah dari segi keperluan pembangunan, baik pulih dan tambahan keperluan, yang bersangkutan dengan sekolah agama khasnya SMKA, untuk dipanjangkan kepada pihak KPP dan di Bahagian Kewangan Dan Pembangunan, Jabatan Pendidikan. Peranan dan senarai tugas yang terperinci Penyelia Pendidikan Agama (sila rujuk lampiran C).

#### **4.5.9. Sejarah Kewujudan Penyelia Pendidikan Agama Di Pejabat Pendidikan Bahagian**

Berdasarkan kutipan maklumat umum soalselidik tarikh pengujudan Penyelia Pendidikan Agama, terdapat pejabat Bahagian yang tidak dapat memberi tarikh yang jelas dan hanya menyatakan awal 80-an. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan oleh pemegang jawatan terdahulu tidak dinyatakan sebagai Penyelia Pendidikan Agama tetapi hanya menjalankan peranan tersebut sebagai sebahagian daripada tugas sebagai Penyelia Pendidikan di Bahagian. Atau penyelia itu pada mulanya bukanlah dilantik sebagai Penyelia Pendidikan Agama tetapi hanya ditetapkan sebagai yang

bertanggungjawab dalam mengurus atau diserahkan tanggungjawab berkenaan oleh ketuanya, sebagai memenuhi keperluan untuk melakukan tugas atau urusan mengikut seperti yang diperlukan oleh bahagian Ibu Pejabat iaitu dari UPI/BPI/SPPIM.

Berikut tarikh pengujudan Penyelia Pendidikan Agama mengikut Bahagian:-

**A. Bahagian Pantai Barat Selatan (1982)**

Senarai penyelia yang pernah berkhidmat di pejabat Bahagian ini:

1. Haji Hamdin Bin Othman
2. Haji Pengiran Dahlan Pengiran Abu Bakar
3. Encik Abdul Rashid Musah
4. Haji Tahir Bin Madon
5. Ustaz Said bin Haji Zainuddin

**B. Bahagian Pantai Barat Utara (1980-an)**

Senarai Penyelia Pernah berkhidmat

1. Tuan Haji Bakri Haji Kambar
2. Tuan haji Mohd. Saidi Hj. Abd. Ghani
3. Tuan Haji Yusof Samit
4. Tuan Haji Rashkin Hj.Saum
5. Ustaz Sheikh Mohd. Hanafi Sh. Kamruddin

**C. Bahagian Beaufort (1981)**

1. Tuan Haji Abd.Ghani Bin Ahmad
2. Tuan Haji Suhailin Abd.Rahman
3. Tuan Haji Bakri Hj. Kambar
4. En. Ismail Mohd Yusof (sekarang)

**D. Penyelia Pendidikan Agama Bahagian Sandakan (1980-an)**

Penyelia Yang sedang berkhidmat - Haji Ghazali Amir Husin..

**E. Penyelia Pendidikan Agama Bahagian Tawau (1985)**

Senarai Penyelia pernah berkhidmat:

1. Tuan Haji Saidin Abd. Rashid (1985-1987)
2. Encik Abd.Rahman Hamzah (1988-1989)
3. Encik Tahir Sabat 1989 – hingga sekarang.

**F. Penyelia Pendidikan bahagian Keningau (1980-an)**

Senarai Penyelia yang pernah berkhidmat:

1. Tuan Haji Shaidi H. M. Abd. Ghani (1980-1982)
2. Tuan Haji Kaji Madan (1983-1985)
3. Encik Hamzah Sangkit (1985-1989)
4. Ustaz Mohamamid Haji Abdul Ghani (1990-1992)
5. Tuan Haji Bakri Kambar (1993-1994)
6. Ustaz Mohd. Anis Tahir (1995-1997)
7. Ustaz Mokhsin Salleh (01.07.1997)

**G. Wilayah Persekutuan Labuan (Sejak 08.02.1988)**

Bermula tahun 1995 menjadi bahagian sendiri dan dipisahkan pentadbiran dengan bahagian Beaufort. Penyelia yang bertugas adalah Encik Ismail Bin Gustim sejak dimulakan hingga sekarang.

#### **4.6. AMALAN PENYELIAAN**

Bahagian ini akan membentangkan dapatan hasil daripada kutipan data yang diperolehi melalui soal selidik amalan penyeliaan oleh Penyelia Pendidikan Agama. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan SPSS Var. 7. Setiap jawapan penyelia diberikan kod berdasarkan angka 01 – 09. Bagi Jawapan item 1, 13,14 jawapan responden dikategorikan dan diberikan kod 1-3. Untuk tujuan analisis ini, data hanya dianalisis berdasarkan kekerapan sesuatu amalan tersebut untuk mendapatkan kesimpulan umum amalan penyeliaan para Penyelia Pendidikan Agama.

##### **4.6.1. Peranan Utama Penyelia**

Dapatan menunjukkan bahawa 54.5 % para penyelia memberikan tumpuan tugas sebenar mereka melakukan tugas pejabat, dan 45.5% lagi untuk tugas penyeliaan pengajaran.

##### **4.6.2. Kekerapan Menjalankan Penyeliaan**

Data menunjukkan bahawa kekerapan menjalankan penyeliaan: 100% penyelia menandakan pada jawapan mengikut keperluan walaupun dalam masa yang sama terdapat juga yang menandakan setiap minggu dan setiap bulan, tetapi kekerapan itu (setiap bulan dan setiap minggu) adalah mengikut keperluan.

##### **4.6.3. Tugas Yang Dilakukan Sekiranya Tidak Menjalankan Penyeliaan**

Merujuk kepada jadual 4.3., menunjukan dua tugasan yang semua penyelia melakukannya iaitu melayan guru yang berurus dan menjalankan tugas pejabat yang

lain. 54.5% penyelia menyediakan laporan; 27.3% penyelia yang mengurus perjawatan, dan 63.6% memberikan kursus yang berkaitan.

**Jadual 4.3**

**Tugasan yang dilakukan semasa  
tidak menjalankan penyeliaan pengajaran di sekolah**

<b>Tugasan</b>	<b>Peratusan/Bilangan</b>
Menyediakan laporan	54.5 %. (6)
Mengurus perjawatan guru	27.3% (3)
Melayan guru yang berurusan	100% (11)
Memberi kursus yang berkaitan	63.6 % (7)
Menjalankan tugas pejabat yang lain	100% (11)

#### **4.6.4. Tujuan Penyelia ke Sekolah**

Tujuan Penyelia membuat penyeliaan ke sekolah kebanyakannya adalah untuk melihat pengajaran guru dan memberikan orientasi. Di samping itu, terdapat juga keadaan iaitu penyeliaan adalah bertujuan untuk tindak susul laporan daripada pihak Jemaah Nazir Sekolah atau untuk mengesahkan sesuatu laporan.

Selain daripada tujuan di atas, tujuan penyelia ke sekolah adalah untuk menjalankan tugas-tugas pentadbiran, seperti berikut:

1. Menyampaikan maklumat dari Ibu Pejabat/Bahagian,
2. Mengurus kebajikan guru, dan
3. Mengurus aktiviti agama Islam.

#### **4.6.5. Memberi Makluman Sebelum Menjalankan Penyeliaan**

Didapati 18.2% (2) sahaja yang menyatakan *Ya*. Berbanding dengan 81.8% mereka yang menyatakan *Kadang-Kadang Tidak*. Ini menunjukkan bahawa penyelia sengaja tidak

memaklumkan supaya guru sentiasa bersedia. Cara pemakluman ialah melalui telefon atau surat bagi sekolah yang tidak mempunyai telefon.

#### **4.6.6. Penentuan Objektif Penyeliaan**

Didapati semuanya ditetapkan dahulu oleh Ibu Pejabat/Bahagian dan sesampai di sekolah perbincangan akan juga diadakan dengan guru yang diselia.

#### **4.6.7. Membuat Catatan Semasa Menyelia**

Didapati semua (100%) penyelia membuat catatan semasa membuat penyeliaan pengajaran. Catatan dibuat dalam Buku Catatan Rasmi dan Borang Penyeliaan. Begitu juga dalam Buku Rekod mengajar guru.

#### **4.6.8. Perkara Yang Diperhatikan Semasa Menyelia**

Didapati 100% penyelia menandakan jawapan *semua perkara yang di atas yang berkaitan* iaitu tentang kekuatan yang perlu dikembangkan, kelemahan yang perlu di perbaiki dan keupayaan mengawal kelas dan kesilapan pengajaran.

#### **4.6.9. Perbincangan Selepas Penyeliaan**

Didapati 100% penyelia mengadakan perbincangan selepas penyeliaan dalam bilik darjah, dan perkara yang dibincangkan ialah seperti berikut:

1. Kekuatan dan kelemahan pengajaran,
2. Mencadangkan kaedah atau sumber baru yang boleh membantu pengajaran guru.

#### **4.6.10. Adakah Dapat Memberikan Tumpuan Sebagai Penyelia**

Di dapati 90.9% (10) menyatakan YA, tetapi tidak sepenuhnya kerana masih ada sekolah yang tidak dapat diselia. Dan 9.1 % (1) menyatakan TIDAK kerana kawasan terlalu besar/banyak tugas lain yang diutamakan.

#### **4.6.11 Apakah Masalah Atau Kekangan Yang Dihadapi Semasa Menjalankan Penyeliaan**

Berikut adalah masalah yang dinyatakan oleh para penyelia:

- (a) Lokasi kawasan yang terpencil (jauh) dan kesukaran perhubungan
- (b) Terlalu banyak tugas yang terpaksa diambil perhatian
- (c) Ramai guru sandaran tidak terlatih
- (d) Masa agak terhad kerana tumpuan juga perlu diberikan kepada menyelesaikan/melaksanakan tugas-tugas di pejabat
- (e) Pelajar terlalu sibuk, banyak mata pelajaran di sekolah.

Seterusnya disenaraikan beberapa cadangan penambahbaikan penyeliaan pendidikan agama di Jabatan Pendidikan Sabah, yang telah dicadangkan oleh semua responden sama ada yang masih berkhidmat ataupun yang telah bersara.

#### **Cadangan Para penyelia Yang Sedang Berkhidmat:**

- (i) Pengagihan tugas Penyelia Pendidikan Agama Khas dan ditambah pembanru yang berkaitan seperti guru Sumber (GS) di peringkat Bahagian dan sekolah.
- (ii) Penyelia Pendidikan Agama adalah dari kalangan Guru Agama.
- (iii) Pentadbiran dan format penyeliaan dikemaskini.
- (iv) Guru Pendidikan Islam (GPI) perlu banyak didedahkan dengan kursus Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) semasa.
- (v) Banyakkan lagi bekalan bahan P&P di sekolah.

**Cadangan Responden Yang Telah Bersara:**

- (a) Penyelia Pendidikan Agama di daerah mesti diujudkan sekurang-kurangnya DG5, dan di Bahagian seorang DG3.
- (b) Penyelia siswazah untuk sekolah menengah.
- (c) Nisbah penyelia dan sekolah hendaklah disimbangkan.
- (d) Wujudkan latihan khusus penyelia (Sijil Penyeliaan).
- (e) Pastikan sekurang-kurangnya 85% guru pendidikan Islam adalah anak Sabah.
- (f) Pertingkatkan kemahiran penyelia.
- (g) Pastikan penyelia menjadi *role model* (*uswahtul hasanah*) dengan Dakwah Bil Hal.

Kesimpulan daripada analisis data soal selidik bentuk amalan penyeliaan adalah tidak banyak perubahan yang ketara dari dahulu hingga sekarang. Dengan itu saya merumuskan bahawa penyeliaan dalam pendidikan adalah terbahagi kepada dua komponen penting iaitu:

1. Komponen Penyeliaan Pengajaran atau Penyeliaan Klinikal, dan
2. Komponen Penyeliaan Pentadbiran atau Pengurusan.

**Komponen Penyeliaan Pengajaran:**

Adalah yang berkaitan langsung dengan aktiviti pengajaran guru dalam bilik darjah serta yang berkaitan dengannya iaitu peningkatan profesionalisma guru melalui kursus dalam perkhidmatan, pencerapan dalam bilik darjah, pengembangan kurikulum, perkembangan staf dan bantuan langsung kepada guru.

**Komponen Penyeliaan Pengurusan (Umum):**

Penyeliaan ini adalah sama dengan apa yang dilakukan oleh pihak pengurusan tingkat atas di sektor awam yang lain yang mencakupi, penyeliaan untuk memastikan peraturan kerja dipatuhi yang berunsur kawalan mutu dan piawai sesuatu hasil produk. Dalam sektor pendidikan pula ialah untuk menentukan P&P berjalan lancar dan pengajaran ditadbirkan dengan baik. Pentadbiran pengajaran yang baik adalah berkait rapat pula dengan kecukupan guru, guru yang terlatih dan prasarana sekolah yang lengkap dan selesa untuk proses P&P.

Kesimpulan akhirnya bahawa penyeliaan yang diamalkan (Sistem Penyeliaan) oleh Penyelia Pendidikan Agama di Jabatan Pendidikan Sabah adalah mirip kepada Penyeliaan Pengurusan Dalam Organisasi. Rujuk Rajah 3.1.

**Rajah 4.1**  
**PENYELIAAN DALAM PENDIDIKAN**

Penyeliaan Pengajaran	Penyeliaan Organisasi/Sistem Penyeliaan
Peningkatan Profesional Staf	Pengawalan/Pengawal Selia (Control)
Pencerapan	Yang bermaksud untuk menentukan P&P berjalan lancar dan Pengajaran ditadbirkan
Pengembangan Kurikulum	dengan baik /teratur.
Perkembangan Staf	

Oleh kerana kajian seumpama ini adalah mungkin pertama kali dalam bentuknya maka dapatan ini adalah lebih kepada untuk memberi makluman tentang cara bagaimana para penyelia menjalankan penyeliaan. Untuk menggambarkan keadaan ini kata-kata ataupun maksud dari pandangan Glickman (1985) yang menyatakan sekiranya disingkap kulit luar penyelia maka yang akan ditemui adalah kulit seorang guru. Ini kerana penyelia itu banyak dipengaruhi oleh pengalaman lampau.